

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf pelabuhan Labuan yang sebenarnya berpotensi untuk menjadi regional entrepot. Pada masa ini, Pelabuhan Merdeka Labuan yang sudah tua dan sesak itu sudah tidak sesuai untuk terus berada di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu kesesakan di Pelabuhan Labuan sering kali berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan yang terkini adalah pada 24 September 2018. Susulan daripada kejadian tersebut, pihak Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) telah meneliti langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil serta perancangan masa hadapan bagi menyelesaikan isu kesesakan di Pelabuhan Dermaga Merdeka.
2. Kementerian Pengangkutan juga mengakui bahawa ketika ini situasi Pelabuhan Dermaga Merdeka di Labuan agak sesak dan perlu dilihat dari aspek kesesuaian untuk terus beroperasi di kawasan bandar. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah tersebut LPL sedang merencana plan bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang seperti berikut:

(a) Jangka Pendek

LPL sedang memperkukuhkan aspek kawal selia dan pentadbiran di Dermaga Merdeka dari semasa ke semasa bagi memastikan isu kesesakan di pelabuhan tidak berulang melalui pendekatan menambah baik mutu perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan seperti berikut:

- (i) LPL akan memastikan kontena yang ditempatkan di Dermaga Merdeka berada pada had kapasiti 800 TEUs sahaja dalam satu masa;
- (ii) jeti kepunyaan Jabatan Laut Malaysia (JLM) di kawasan perindustrian Ranca-Ranca dijadikan kawasan operasi kumpit bagi membolehkan kerja-kerja memuat kargo (beras/gula) dijalankan; dan

(iii) operasi pengendalian kontena di Dermaga Merdeka akan dipantau rapi dan penggunaan kren atau jentera tertentu akan digunakan sekiranya terdapat keperluan bagi melicinkan operasi.

(b) Jangka Sederhana

LPL sedang dalam proses menguatkuasakan undang-undang sedia ada melalui pendekatan penggubalan undang-undang kecil pelabuhan bagi membolehkan LPL mula mengutip hasil pelabuhan yang akan digunakan semula untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan pembangunan masa hadapan.

(c) Jangka Panjang

(i) LPL sedang mengenal pasti lokasi yang bersesuaian di Labuan untuk memindahkan aktiviti dan operasi pelabuhan pada masa hadapan bagi mengurangkan masalah kesesakan di Pelabuhan Dermaga Merdeka; dan

(ii) LPL sedang meneliti dan memperhalusi cadangan dan pendekatan untuk menswastakan Pelabuhan Labuan menerusi Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 dengan melantik mana-mana syarikat yang berwibawa sebagai operator pelabuhan.

Sekian, terima kasih.